

09 OCT 2001

Maaf-AP

WARTAWAN AP DIMINTA POHON MAAF KEPADA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Pejabat Perdana Menteri telah menuntut supaya seorang wartawan Associated Press (AP) dan agensi berita itu menyiarkan permohonan maaf secara terbuka kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai satu rencana yang secara tidak tepat memetik ucapan Perdana Menteri mengenai serangan yang diketuai Amerika Syarikat terhadap Afghanistan.

"Memandangkan kesan meluas akibat kesilapan Mr (Sean) Yoong itu, kami menuntut supaya Mr Yoong dan Associated Press menyiarkan satu pembedulan dan permohonan maaf secara terbuka kepada Perdana Menteri Malaysia," katanya dalam kenyataan hari ini.

Yoong dalam laporannya telah menyatakan: 'Mahathir repeated calls for a summit of world leaders to reach an internationally acceptable definition of terrorism, and he criticised Israel. "If they wanted to take action, they should pick the right people," Mahathir said of the U.S. and British strikes. "I would support them if they wanted to take terrorist action against Israel because Israel has shot dead many Palestinians. For us, those are the terrorists."'

Pejabat Perdana Menteri berkata laporan itu adalah tidak tepat dan bermaksud jahat memandangkan Dr Mahathir dengan jelas tidak merujuk kepada serangan udara U.S. dan Britain dalam kenyataannya mengenai Israel.

Ia berkata artikel yang tidak tepat oleh Yoong itu telah dipetik oleh beberapa akhbar asing termasuk Asian Wall Street Journal, The Independent dan The Belfast Telegraph, sekadar menamakan sebahagiannya.

Kenyataan itu berkata terjemahan yang tepat bagi ucapan Dr Mahathir, yang dibuat sebagai jawapan kepada soalan di Parlimen mengenai keganasan, dan sebagaimana yang direkodkan dalam Hansard Parlimen 8 Okt, 2001 adalah seperti berikut:

'These terrorist acts that were carried out were supposedly part of a jihad. Maybe it was caused because the perpetrators had been victims of terrorism themselves and they wanted to retaliate. But what is unacceptable is that others too were made victims including those from Malaysia who had not committed any terrorism against the Palestinians. Those who had committed terrorism against the Palestinians were the Israelis. Retaliate against Israel then. Those who were killed in attacks on the WTC (World Trade Centre) building included many foreigners who had nothing to do with the terrorist acts committed by the Israeli authorities. Therefore, if they wanted to take any action, they should pick on those who had acted against them, and I would support them if they had committed these terrorist acts against Israel because Israel has killed many Palestinians.'

Pejabat Perdana Menteri berkata bahawa Yoong, sama ada dengan sengaja atau sebaliknya, telah memetik kenyataan Dr Mahathir itu secara di luar konteks dan merujuknya kepada serangan US dan Britain terhadap Afghanistan sedangkan ia jelas bukan demikian halnya.

Kenyataan itu berkata adalah jelas daripada kandungan Hansard itu bahawa Dr Mahathir merujuk kepada serangan terhadap WTC di New York.

"Perdana Menteri tidak pernah menggesa pemimpin dunia atau US dan Britain supaya menyerang Israel sebagaimana yang jelas terbayang dalam artikel Mr Yoong.

"Selanjutnya, sementara Perdana Menteri telah menyatakan bahawa Israel telah melakukan apa yang kami anggap sebagai tindakan keganasan terhadap orang Palestin, beliau tiada sekali-kali menyebut dalam jawabannya itu

bahawa orang Israel adalah pengganas," kata kenyataan itu.

Kenyataan itu berkata sekiranya Yoong hadir di Parlimen ketika Dr Mahathir memberi ucapan itu, tidak seharusnya ada alasan untuk berlaku kesilapan seperti yang dilakukannya itu.

Serangan 11 Sept terhadap WTC di New York dan Pentagon di Washington yang membunuh beribu-ribu orang menyebabkan US dan Britain melancarkan serangan udara terhadap Afghanistan, tempat jutawan Saudi, Osama bin Laden, yang disyaki oleh US bertanggungjawab bagi serangan itu dikatakan bersembunyi.

-- BERNAMA

MAM ZS RM NMO